

## **BAB III**

### **AKTIVITI DAN KAEDAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI FELDA BUKIT GOH**

#### **3.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan berkaitan aktiviti pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh berdasarkan kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang terdapat di masjid, surau dan rumah peneroka. Pelaksanaan kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini merangkumi tenaga pengajar al-Qur'an, tahap kelayakan mereka, tempoh pengajian, waktu pembelajaran dan alat bantuan mengajar yang digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an.

Pengkaji juga akan menjelaskan berkaitan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an sekitar FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Kaedah ini dinilai dan dibuat kesimpulan berdasarkan pelaksanaan dan penerimaannya oleh masyarakat FELDA Bukit Goh. Penerimaan sesuatu kaedah yang diajar haruslah dinilai meliputi tahap keberkesanan kaedah tersebut ketika proses pengajaran di dalam kelas pengajian al-Qur'an dan seterusnya hasil pembelajaran selepas tamat kelas pengajian al-Qur'an. Keberkesanan sesuatu kaedah amat penting supaya ianya benar-benar mampu menghasilkan masyarakat yang celik al-Qur'an dan seterusnya mencapai objektif yang dinyatakan oleh pengkaji.

Bagi melihat sejauh mana keberkesanan kaedah-kaedah ini dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Qur'an dan penguasaan ilmu tajwid, pengkaji akan menilai berdasarkan soalan-soalan yang direka khusus untuk mengukur tahap keberkesanan kaedah

yang dilaksanakan dan juga melalui borang soal-selidik yang diedarkan kepada mereka bagi melihat persepsi mereka terhadap kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan pada bab seterusnya.

### **3.2 AKTIVITI PENGAJIAN AL-QUR'AN DI FELDA BUKIT GOH**

Secara keseluruhan, kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh ini telah mempunyai nadinya yang tersendiri. Jatuh bangun sesebuah kelas itu bergantung kepada keazaman dan kegigihan dari kedua-dua belah pihak yang memainkan peranan iaitu guru dan murid. Sekiranya salah satu pihak tidak memainkan peranannya maka, hasrat untuk melihat kelas-kelas al-Qur'an di sini berjaya dan mendapat tempat di hati masyarakat FELDA tidak kesampaian.

Di FELDA Bukit Goh, terdapat lapan buah kelas pengajian al-Qur'an. Daripadanya, terdapat satu kelas al-Qur'an di masjid, lima kelas al-Qur'an di surau dan dua kelas al-Qur'an di rumah. Murid-murid yang terlibat dalam kelas pengajian al-Qur'an di sini sebilangan besar dari kalangan peneroka FELDA Bukit Goh dan terdapat segelintir sahaja dari golongan profesional seperti pegawai dan kakitangan FELDA dan serta tenaga akademik seperti guru. Aktiviti kelas-kelas al-Qur'an di sini berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir masjid mahupun surau.<sup>104</sup>

Perincian mengenai kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh adalah seperti berikut:

---

<sup>104</sup> Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak (Imam 1, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 5 Januari 2010.

### **3.2.1 Pengajian Al-Qur'an di Masjid**

Masjid merupakan suatu tempat berkumpulnya umat Islam bagi menunaikan ibadah kepada Allah (s.w.t). Di FELDA Bukit Goh, terdapat sebuah masjid yang diberi nama Masjid al-Taqwa yang merupakan satu-satunya masjid bagi warga FELDA menunaikan ibadah solat lima waktu secara berjemaah dan juga tempat melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti ceramah agama, tazkirah, forum perdana, kelas pengajian al-Qur'an dan sebagainya.

Masjid al-Taqwa terletak di tengah perkampungan FELDA Bukit Goh dan berhampiran dengan Pejabat FELDA Bukit Goh. Kedudukan masjid yang strategi menjadikan ia mudah dihadiri oleh warga FELDA dan juga musafir bagi menunaikan solat fardhu dan membuat pelbagai aktiviti keagamaan termasuklah kelas al-Qur'an. Bagi menampung keperluan jemaah yang semakin ramai, maka pada awal tahun 2010 telah bermulalah pembinaan sebuah masjid baru yang berhampiran dengan masjid lama. Masjid ini siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2011 dan dibuka untuk kegunaan harian pada bulan November 2011. Manakala pada tanggal 7 hb. Mac 2012, masjid ini telah dirasmikan sepenuhnya oleh Baginda Sultan Pahang.<sup>105</sup>

Kelas pengajian al-Qur'an di masjid telah berjalan dengan sempurna mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Masjid. Kelas al-Qur'an di masjid telah dikendalikan oleh tenaga pengajar yang bertauliah dan berkemahiran dalam bidang al-Qur'an. Kelas pengajian al-Qur'an di Masjid al-Taqwa FELDA Bukit Goh diadakan pada setiap hari Rabu. Tenaga pengajar kelas tersebut ialah Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman dengan jumlah pelajar seramai 15 orang pelajar merangkumi 10 pelajar lelaki dan

---

<sup>105</sup> Tuan Haji Shafie bin Haji Ahmad (Imam 2, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2012.

5 pelajar wanita. Kelas al-Qur'an di Masjid al-Taqwa berlangsung selama satu jam iaitu bermula selepas waktu Isyak.<sup>106</sup>

### **3.2.2 Pengajian Al-Qur'an di Surau**

Di samping masjid sebagai tempat beribadah dan tempat mengadakan aktiviti keagamaan bagi penduduk FELDA Bukit Goh , terdapat juga tujuh buah surau yang dibina bagi memudahkan penduduk yang tinggal agak jauh dengan masjid untuk menunaikan solat lima waktu secara berjemaah. Daripada jumlah tersebut, hanya lima buah surau sahaja yang terdapat kelas pengajian al-Qur'an.

Kelas al-Qur'an dan tajwid diadakan di surau Kawasan 1 pada setiap hari Isnin oleh Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali dengan jumlah pelajarnya adalah seramai 10 hingga 15 orang pelajar. Namun jumlah pelajar tidak tetap pada satu-satu masa kerana ada ketika jumlah pelajarnya ramai dan ada masanya pelajar sedikit. Ini bergantung kepada masa kelapangan penduduk setempat yang kadangkala sibuk dengan kerja sampingan seperti pengawal keselamatan, mengambil upah menguruskan ladang kelapa sawit pihak lain dan sebagainya. Di surau Lorong 9, Kelas al-Qur'an dan tajwid diadakan pada hari Ahad oleh Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman dengan pelajarnya adalah seramai 10 hingga 15 orang pelajar. Manakala surau Lorong 10 pula, kelas al-Qur'an dan tajwid diadakan pada hari Selasa dan pelajarnya adalah seramai 5 hingga 10 orang pelajar.<sup>107</sup>

Bagi surau Lorong 12 pula, kelas al-Qur'an dan tajwid diadakan pada hari Jumaat oleh Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak dan jumlah pelajarnya adalah seramai 10

---

<sup>106</sup> Ibid.

<sup>107</sup> Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali (Guru al-Qur'an, surau Madrasah al-Rahman Kawasan 12), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Mac 2010.

hingga 15 orang pelajar. Pada hari Isnin pula kelas al-Qur'an diajar khusus untuk kaum wanita oleh Ustazah Hajjah Aminah binti Mahmud dengan purata pelajarnya adalah seramai 15 hingga 20 orang pelajar. Yang terakhir ialah surau Peringkat 4, di mana kelas al-Qur'an dan tajwid diadakan pada setiap hari Rabu oleh Tuan Haji Kamarudin bin Awang Ali dengan jumlah pelajarnya adalah seramai 10 hingga 15 orang pelajar.<sup>108</sup>

Pengkaji meletakkan purata pelajar bagi setiap kelas al-Qur'an adalah seramai 10 hingga 20 orang pelajar berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji di setiap kelas al-Qur'an yang dijalankan. Jumlah pelajar di sesebuah kelas al-Qur'an tidak tetap pada satu-satu masa oleh kerana ianya bergantung kepada masa kelapangan penduduk setempat yang kadangkalanya sibuk dengan kerja sampingan lain seperti pengawal keselamatan, mengambil upah menguruskan ladang kelapa sawit, mengambil kontrak membuat rumah dan sebagainya. Walau bagaimanapun masih terdapat mereka yang istiqāmah hadir ke kelas al-Qur'an pada setiap minggu.

### **3.2.3 Pengajian Al-Qur'an di Rumah**

Di samping kelas pengajian al-Qur'an di masjid dan surau, penduduk FELDA Bukit Goh juga menjadikan rumah-rumah penduduk sebagai tempat mendalami ilmu al-Qur'an. Kelas al-Qur'an di rumah adalah merupakan inisiatif dari jiran-jiran berhampiran yang melihat akan kepentingan mendalami ilmu al-Qur'an khususnya memperbaiki bacaan dan tajwid. Kebiasaan kelas-kelas al-Qur'an ini diadakan di rumah guru-guru al-Qur'an sendiri dan anak murid pula terdiri daripada jiran-jiran terdekat.

---

<sup>108</sup> *Ibid.*

Di FELDA Bukit Goh terdapat dua buah rumah yang dijadikan sebagai kelas al-Qur'an iaitu pertama; di Kawasan 3 Lorong Kubur, dimana kelas tahsin al-Qur'an diadakan di rumah Hajjah Zaiton binti Ibrahim pada setiap hari Jumaat pukul 5.00 petang . Di rumah ini terdapat seramai 10 hingga 15 orang murid yang mengikuti kelas al-Qur'an yang terdiri dari 7 orang kanak-kanak dan selebihnya adalah orang dewasa dari kalangan wanita. Orang lelaki dewasa kebiasaannya akan mengikuti kelas al-Qur'an di masjid atau di surau. Kedua; kelas tahsin al-Qur'an turut diadakan di Lorong 9, iaitu di rumah Hajjah habibah binti Deraman pada setiap hari Sabtu pukul 5.00 petang. Di rumah ini terdapat seramai 5 hingga 10 orang murid yang mengikuti kelas al-Qur'an yang terdiri dari 5 orang kanak-kanak dan 5 orang dewasa dari kalangan wanita.<sup>109</sup>

Pendekatan yang digunakan oleh guru-guru al-Qur'an di dalam pembelajaran al-Qur'an di rumah ialah pendekatan atau kaedah Talaqqī Mushāfahah. Pada peringkat awal, setiap murid akan membaca al-Qur'an terlebih dahulu di hadapan guru, kemudian guru akan memperbetulkan bacaan murid tersebut dengan cara guru memerdengarkan bacaan yang betul mengikut hukum tajwid. Selepas itu, setiap murid akan melatih membaca secara sendirian atau berkumpulan sebelum masing-masing akan datang kembali kepada guru untuk memerdengarkan bacaan al-Qur'an yang betul dan sempurna. Hasil tinjauan pengkaji mendapati setiap murid mengambil masa lebih kurang 5 minit untuk menghabiskan bacaan al-Qur'an dan mempelajari hukum tajwid di hadapan guru.<sup>110</sup>

---

<sup>109</sup> Hajah Zaiton binti Ibrahim (Guru al-Qur'an, rumah No.21 Kawasan Tiga, pada Ahad), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Mac 2010.

<sup>110</sup> *Ibid.*

**Jadual 3.2.3.1 Taburan Kelas Al-Qur'an di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang**

<b>KELAS AL-QUR'AN DI MASJID</b>			
<b>Hari</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Guru</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>
Rabu	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman	15-20 orang
<b>KELAS AL-QUR'AN DI SURAU</b>			
Isnin (Kawasan 1)	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali	10-15 orang
Ahad (Lorong 9)	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman	10-15 orang
Selasa (Lorong 10)	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak	5-10 orang
Jumaat & Isnin (Kawasan12)	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak	10-15 orang
		Ustazah Hajjah Aminah binti Mahmud	15-20 orang (Wanita)
Rabu (Peringkat 4)	Al-Qur'an Tajwid	Tuan Haji Kamarudin bin Awang Ali	10-15 orang
<b>KELAS AL-QUR'AN DI RUMAH</b>			
Sabtu (Lorong 9)	Tahsin Al-Qur'an	Hajah Habibah binti Deraman	5-10 orang
Jumaat (Kawasan 3, Lorong kubur	Tahsin Al-Qur'an	Hajah Zaiton binti Ibrahim	5-10 orang

### **3.3 SUKATAN PENGAJIAN AL-QUR’AN DI FELDA BUKIT GOH**

Sukatan pengajian al-Qur'an dalam kajian ini memberi maksud peringkat pengajaran dan pembelajaran kelas pengajian al-Qur'an kepada masyarakat FELDA Bukit Goh yang perlu diambil kira semasa pelaksanaannya. Menurut Kamus Dewan, sukatan bermaksud sesuatu yang digunakan untuk menentukan atau menilai butir-butir ringkas daripada matapelajaran diberikan.<sup>111</sup> Oleh itu, sukatan, sukatan pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan jabatan agama daerah dan masjid dalam bentuk tenaga pengajar, tahap kelayakan pengajar, tempoh pengajian dan waktu pembelajaran supaya penyertaan dan minat daripada golongan berkenaan dapat direalisasikan.

#### **3.3.1 Tenaga Pengajar Pengajian Al-Qur'an**

Guru atau penceramah merupakan unsur penting dalam proses pembelajaran. Tidak kira proses pembelajaran yang berbentuk formal ataupun tidak formal. Bagi kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh, peranan guru atau penceramah merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Ini kerana minat pelajar atau pendengar khususnya masyarakat FELDA Bukit Goh terhadap kelas pengajian al-Qur'an bergantung kepada kemahiran dan kebijaksanaan penceramah dalam menyampaikan ceramah atau kuliah syarah. Oleh itu, guru atau penceramah yang mempunyai ciri-ciri pengajar yang berkesan sudah tentu diminati oleh pendengar, maka seterusnya pengajian yang disampaikan kepada mereka mendapat sambutan yang baik dari semasa ke semasa.

---

<sup>111</sup> Sheikh Othman Sheikh Salim, *Kamus Dewan*, ed. ke-4, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1536.

Kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh ini ditunjangi oleh enam orang tenaga pengajar yang bertauliah dan berpengalaman luas dalam bidang al-Qur'an. Mereka terdiri daripada Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman, Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali, Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak, Hajah Aminah binti Mahmud, Hajjah Habibah binti Deraman dan Hajjah Zaiton binti Ibrahim.

Menurut Imam 1 Masjid al-Taqwa, Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak, pihak pentadbiran masjid telah mengadakan pemilihan bagi menentukan siapakah yang akan mengajar kelas agama khususnya pengajian al-Qur'an di masjid tersebut. Antara ciri-ciri yang diutamakan dalam pemilihan ialah mereka yang berkelayakan dan berkemampuan, mempunyai amalan komunikasi yang mantap serta memang sudah terkenal dalam masyarakat kerana masjid tersebut menjadi tempat yang sering dikunjungi.<sup>112</sup>

Guru-guru al-Qur'an ini merupakan peneroka FELDA Bukit Goh kecuali Hajjah Aminah binti Mahmud adalah guru di Sekolah Kebangsaan FELDA Bukit Goh. Mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang al-Qur'an iaitu di mana kesemua mereka telah mendapat tauliah sebagai guru al-Qur'an dari Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan (PAID).

Menurut Imam 2 Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman, tokoh-tokoh al-Qur'an ini merupakan tokoh yang tidak asing lagi bagi masyarakat di sini. Selain menjadi tenaga pengajar di kelas al-Qur'an, mereka juga mempunyai tugas lain yang dekat dengan masyarakat seperti Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak yang bertugas sebagai Imam 1 Masjid al-Taqwa dan Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman sebagai Imam 2, manakala Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali pula merupakan imam 3 di masjid yang sama. Begitu juga dengan Hajah Aminah binti Mahmud selain menjadi guru al-Qur'an, beliau

---

<sup>112</sup> Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak (Imam 1, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Mac 2010.

jugaberugas sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan FELDA Bukit Goh. Hubungan yang sudah terjalin dengan masyarakat setempat menjadi faktor proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam suasana ceria dan harmoni.<sup>113</sup>

### **3.3.2 Tahap Kelayakan Tenaga Pengajar Al-Qur'an**

Tahap kelayakan tenaga pengajar al-Qur'an di FELDA Bukit Goh ini bersandarkan kepada sijil dan tauliah dari Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MAIP) terlebih dahulu. Tauliah ini amat penting bagi menentukan keupayaan seseorang guru, kerana mereka yang mendapat tauliah tersebut telah melalui proses temuduga yang diuruskan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).<sup>114</sup> Manakala sijil-sijil pula diperolehi dari kursus-kursus dan kelas-kelas intensif al-Qur'an yang dianjurkan oleh Masjid Negeri, Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta, badan-badan NGO atau sebagainya.

Menurut Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) menjelaskan, bagi memudahkan penduduk di sekitar Kuantan mempelajari ilmu al-Qur'an, JAIP telah menghantar guru-guru al-Qur'an yang berkemahiran ke tempat mereka bagi memudahkan penduduk setempat mempelajari ilmu al-Qur'an. Apabila tempoh pengajian tamat selama tiga bulan, mereka akan dianugerahkan sijil dan layak memohon tauliah bagi mengajar di tempat mereka. Sebagai contoh, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuantan melalui Masjid Negeri telah mengadakan kelas intensif tahsin Al-Qur'an di FELDA Bukit Goh selama 3 bulan. Cara ini amat berfaedah

---

<sup>113</sup>Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman (Guru KAFA, Sekolah Agama Rakyat FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Mac 2010.

<sup>114</sup>Haji Mujhid (Pegawai Agama, Majlis Ugama Islam Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 21 Ogos 2009.

dan memberikan kemudahan kepada mereka yang tidak mampu dan berkesempatan untuk pergi ke kelas al-Qur'an yang diadakan sekitar bandar Kuantan.<sup>115</sup>

Bagi tenaga pengajar al-Qur'an di FELDA Bukit Goh ini, masing-masing telah memperolehi Sijil *Intensif kemahiran Al-Qur'an dan Tajwid* yang dikeluarkan oleh Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 Kuantan, melalui kursus intensif al-Qur'an yang diadakan. Mereka ialah Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman, Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali dan Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak, Hajjah Aminah binti Mahmud, Hajjah Habibah binti Deraman dan Hajjah Zaiton binti Ibrahim. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengikuti kelas talaqqī al-Qur'an Bersanad yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa melalui CELPAD kampus Kuantan dan dianugerahkan sijil *Talaqqī Al-Qur'an Bersanad*. Mereka ialah Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak dan Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman.

Sebagai rumusan, pengkaji mendapati tenaga pengajar di sini mempunyai kelayakan dan pengalaman yang luas dalam bidang al-Qur'an. Maka, dengan kelulusan dan pengalaman yang mereka perolehi sudah selayaknya mereka menjadi tempat rujuk masyarakat FELDA Bukit Goh dalam ilmu berkaitan al-Qur'an dari semasa ke semasa.

### 3.3.3 Tempoh Pengajian Al-Qur'an

Pengurusan tempoh bagi setiap pengajian al-Qur'an yang diadakan di FELDA Bukit Goh boleh ditakrifkan sebagai proses tindakan secara bersama, selaras dan sistematik, dengan penggunaan punca-punca yang diperolehi dan diarahkan untuk tujuan dan matlamat tertentu serta memahami satu-satu perkara dalam tempoh yang ditetapkan.

---

<sup>115</sup> Tuan Haji Ahmad Raffli Ab. Malek (Kadi, Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan), dalam temubual dengan pengkaji, 5 Julai 2009.

Imam 3 Masjid al-Taqwa Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Awang Ali menyatakan, tempoh kursus tersebut diadakan selama tiga bulan, hanya satu jam setiap minggu kursus ini diadakan dan akan tamat dalam tempoh 12 jam. Kumpulan sasaran kursus ini adalah terbuka kepada golongan dewasa yang bekerja atau tidak bagi mendedahkan kepada mereka kefahaman tentang al-Qur'an. Setelah mengikuti kursus ini, peserta mampu membaca al-Qur'an dengan fasih dan dapat membezakan hukum-hukum tajwid dengan berkesan.<sup>116</sup>

Menurut Hajjah Aminah binti Mahmud (Tenaga Pengajar al-Qur'an), sebahagian peserta amat mengambil kira tempoh kelas al-Qur'an dan tajwid yang dihadirinya memandangkan penguasaan mereka terhadap ilmu berkenaan masih ada dalam diri mereka. Oleh yang demikian, pihak jawatankuasa program perlu merangka tempoh tertentu dalam program tersebut agar dapat mengelak pembaziran dari sudut material dan masa.<sup>117</sup>

Berdasarkan kepada hasil temu bual dengan beberapa orang responden kajian ini, pengkaji mendapati tempoh sesuatu pengajian ilmu perlu dirangka sama ada pendidikan tersebut berbentuk formal atau informal agar matlamat yang ingin dicapai dapat dimanfaatkan di dalam kehidupan dunia dan akhirat.

---

<sup>116</sup>Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Awang Ali (Imam 3, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Ogos 2009.

<sup>117</sup>Hajjah Aminah binti Mahmud (Quru al-Qur'an, surau al-Rahman), dalam temubual dengan pengkaji, 3 Oktober 2009.

### **3.3.4 Waktu Pembelajaran Pengajian al-Qur'an**

Terdapat ahli masyarakat yang terdiri daripada peneroka FELDA ini sering memberi alasan tidak dapat mengikuti kelas al-Qur'an di masjid dan di surau kerana waktu pembelajarannya tidak bertepatan dengan waktu lapang mereka. Golongan berkenaan memberi beberapa alasan seperti jadual waktu pembelajaran pengajian al-Qur'an yang disediakan oleh pihak pengurusan masjid tidak sesuai, kesibukan mereka dengan urusan kerja di ladang dan sebagainya, kesibukan dengan urusan keluarga dan anak-anak dan seumpamanya.

Tuan Haji Amilrudin bin Ishak selaku Dekan Sekolah Pengajian Islam Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Kuantan berpendapat, bahawa waktu Maghrib hingga Isyak sangat sesuai untuk semua pengajian kelas agama sama ada di masjid ataupun surau. Ini kerana pada waktu itu, kebanyakan orang sudah pulang dari kerja dan tidaklah terlalu lewat untuk bersama keluarga selepas waktu Isyak. Bagi masyarakat FELDA Bukit Goh Kuantan kehadiran mereka ke kelas al-Qur'an amat sesuai pada hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad samada di waktu pagi atau malam kerana memandangkan terdapat juga kakitangan awam dan swasta yang mengikuti kelas al-Qur'an tersebut. Ini kerana bagi mereka, hujung minggu merupakan satu-satunya masa terluang untuk mendalami ilmu-ilmu agama termasuk mengaji al-Qur'an.<sup>118</sup>

Kesimpulannya, bahawa waktu pembelajaran pengajian al-Qur'an samada di masjid, surau dan rumah adalah sesuai untuk semua golongan dan lapisan masyarakat. Adapun halangan yang dihadapi oleh masyarakat FELDA di sini adalah bersifat individu

---

<sup>118</sup> Tuan Haji Amilrudin bin Ishak (Dekan, Sekolah Pengajian Islam, KIPSAS), dalam temubual dengan pengkaji, 21 Oktober 2009.

bukannya bersifat menyeluruh. Oleh itu, pengkaji berpendapat pihak pengurusan dan pentadbiran masjid atau surau telah melakukan yang terbaik bagi memastikan kelas pengajian al-Qur'an mendapat sambutan yang menyeluruh.

### **3.3.5 Alat Bantuan Mengajar dalam Kelas Pengajian Al-Qur'an**

Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran kadangkala dianggap sebagai media pengajaran yang boleh membantu guru dan membolehkan peserta mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap yang baik. Proses penilaian dan pemilihan bahan-bahan yang diperlukan untuk memenuhi hasrat ini bukanlah satu kerja yang mudah. Proses ini merupakan satu proses berterusan dan ianya harus dilakukan berdasarkan kriteria pemilihan bahan yang telah ditetapkan.

Menurut Ybhg. Drs. Haji Abdul Rahman Ibrahim mencadangkan agar setiap kelas pengajian al-Qur'an dapat menyediakan nota ringkas kepada hadirin yang mengikuti kelas berkenaan sama ada di masjid atau surau. Dengan adanya nota ringkas (*hands-out*) para pendengar akan lebih cepat memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru pengajian al-Qur'an. Di samping itu juga, ianya dapat menarik minat pendengar untuk mengikuti sambungan pengajian pada masa akan datang.<sup>119</sup>

Apa yang dapat dirumuskan oleh pengkaji di sini ialah, penggunaan alat bantuan mengajar (ABM) di kelas pengajian al-Qur'an yang terdapat di FELDA Bukit Goh masih di tahap yang sederhana. Kelas pengajian al-Qur'an di sini masih ketinggalan jika hendak dibandingkan dengan kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang terdapat di sekitar daerah

---

<sup>119</sup> Drs. Haji Abdul Rahman Ibrahim (Pegawai Tadbir, KIPSAS), dalam temubual dengan pengkaji. 5 November 2009.

Kuantan. Tiada penggunaan alat bantuan mengajar yang canggih sesuai dengan perkembangan teknologi semasa seperti penggunaan *Liquid Crystal Display* (LCD) ketika mengajar ilmu tajwid. Sebaliknya, kebanyakan kelas pengajian al-Qur'an di sini hanya penggunaan ABM yang *standart* seperti papan putih, buku, pen dan nota-nota ringkas.

Namun kajian ini mendapati, sebahagian guru berusaha bersungguh-sungguh memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan melalui penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai bagi mata pelajaran tertentu.

### **3.4 KAEDAH PENGAJIAN AL-QUR'AN DI FELDA BUKIT GOH**

Kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh berjalan mengikut kaedah atau pendekatan yang amat bersesuaian dengan latar belakang dan lapisan umur masyarakat di sini. Pengkaji mendapati kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an di sini telah memainkan peranan penting dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti dan berkemahiran dalam bidang al-Qur'an. Jika kaedah yang digunakan itu tidak bersesuaian dengan mereka maka, sudah tentu ia akan menyusahkan pelajar dan seterusnya mereka tidak akan berminat untuk meneruskan pembelajaran. Justeru kesesuaian sesuatu kaedah pengajaran itu sangat penting dalam menarik minat pelajar terhadap sesuatu subjek yang diajar.

Peranan guru atau penceramah terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor utama yang menentukan keberkesanan sesebuah kelas pengajian. Bagi meningkatkan keberkesanan kelas pengajian al-Qur'an, guru atau penceramah mestilah benar-benar berilmu dan dapat meyakinkan pendengar atau pelajar tentang keilmuannya sehingga dapat dianggap sebagai ulama'. Di samping itu, para guru atau penceramah juga

hendaklah mempunyai kebijaksanaan dan kemahiran dalam kaedah penyampaian ilmu agar ianya lebih berkesan. Justeru itu, mereka hendaklah peka dengan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran, terutamanya kaedah-kaedah yang telah pun dijelaskan oleh al-Qur'an dan yang diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w).<sup>120</sup>

Menurut Noran Fauzan dan Ahmad Mahdzan (1990), guru atau penceramah yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah guru atau penceramah mengetahui dan menguasai kandungan pelajaran, menggunakan kaedah mengajar yang sesuai, dapat mengawal ketenteraman kelas, bertimbang rasa, sabar, member galakan, sedia mendengar masalah pelajar, tidak sompong, peramah dan mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan pelajar.<sup>121</sup>

Membaca al-Qur'an adalah suatu ibadah yang diberikan pahala oleh Allah (s.w.t) kepada pembacanya jika dibaca dengan sebutan yang betul mengikut kaedah bacaan dan mengikut tajwid.<sup>122</sup> Membaca al-Qur'an dengan betul penting untuk menentukan ibadah yang dilakukan sah atau tidak. Oleh itu, Abdul Halim El-Muhammady (1991) menyatakan, mempelajari dan membaca al-Qur'an mestilah secara mushāfahah iaitu diterima dari mulut ke mulut, seperti Rasulullah (s.a.w) menerima al-Qur'an secara mushāfahah dari malaikat Jibrīl (a.s). Apabila seseorang berkemampuan membaca al-Qur'an, adalah digalakkan membaca al-Qur'an supaya dapat mengamalkan dengan membaca sekurang-kurangnya antara empat hingga lima juzuk sehari dan yang paling baik dapat dikhatamkan dalam masa tiga hari.<sup>123</sup>

---

<sup>120</sup> Abdullah Ishak, *Sejarah Perkembangan dan Pendidikan Islam* (Selangor: Al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, 1992), 121.

<sup>121</sup> Noran Fauzan dan Ahmad Mahdzan Ayob, *Guru dan Perguruan* ( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 78 & 79.

<sup>122</sup> Mohd Ali Bakar, *Seni Lagu al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Darul Fikr, 1991), 12.

<sup>123</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam, Falsafah Disiplin dan Peranan Pendidik* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 93.

Hasil tinjauan pengkaji ke setiap lokasi kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh, didapati terdapat tiga kaedah utama dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian al-Qur'an di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di sini. Kaedah-kaedah tersebut ialah kaedah Talaqqī Mushāfahah, kaedah tunjukcara dan kaedah soaljawab lisan. Yang membezakan antara ketiga-tiga kaedah ini ialah cara pelaksanaannya, iaitu di mana kaedah Talaqqī Mushāfahah pelaksanaannya lebih tertumpu kepada aspek tilāwah al-Qur'an seperti kefasihan dan kelancaran sebutan kalimah al-Qur'an, manakala kaedah tunjukcara dan kaedah soaljawab lisan pula pelaksanaannya lebih tertumpu kepada kemahiran dalam ilmu tajwid sama ada ketika praktikal membaca al-Qur'an bertajwid atau ketika sesi soal jawab. Huraian berkenaan dengan empat kaedah tersebut adalah seperti berikut:

### **3.4.1 Kaedah Talaqqī Mushāfahah di Kelas Pengajian Al-Qur'an FELDA Bukit Goh.**

Hasil tinjauan pengkaji mendapati, kaedah ini amat sesuai dengan latar belakang masyarakat FELDA Bukit Goh. Di antara kelas al-Qur'an yang menggunakan kaedah Talaqqī Mushāfahah ialah, kelas al-Qur'an di Masjid al-Taqwa, kelas al-Qur'an di surau dan kelas al-Qur'an di rumah peneroka.

Menurut Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman (Imam 1 Masjid FELDA Bukit Goh); "Kaedah Talaqqī Mushāfahah merupakan kaedah yang bersesuaian dengan peringkat umur dan juga tahap penerimaan majoriti penduduk di sini. Mereka amat selasa dan mudah menerima apa yang diajar melalui kaedah tersebut. Namun, sejauh mana

keberkesanannya perlulah seiring dengan komitmen pelajar dan metode pengajaran yang digunakan oleh guru ketika mengajar".<sup>124</sup>

Dalil dari al-Qur'an yang menyebut tentang kepentingan membaca al-Qur'an secara Talaqqī Mushāfahah berdasarkan firman Allah (s.w.t):

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمَعُهُ وَقُرْءَانَهُ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ

Surah al-Qiyāmah 75: 16-18

Terjemahan: *Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur'an (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya”.*

Firman Allah (s.w.t):

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأُهُ عَلَى الْنَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

Surah al-Isra' 17: 106

Terjemahan: *Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan dia supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya secara beransur-ansur.”*

<sup>124</sup> Tuan Haji Yahya bin Abdul Rahman (Quru KAFA, Sekolah Agama Rakyat FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Januari 2010.

Menurut Imam 3 Masjid al-Taqwa Tuan Hj. Kamaruddin bin Hj. Awang Ali, dalam pelaksanaan kaedah Talaqqī Mushāfahah, murid-murid akan berhadapan secara langsung kepada gurunya sama ada secara individu atau dalam bentuk kumpulan kecil. Sebagai contoh, kelas pengajian al-Qur'an di Masjid al-Taqwa menggunakan pendekatan ini dengan cara, di awal kelas bermula, pelajar akan terlebih dahulu membaca al-Qur'an di hadapan guru secara individu dan guru akan memperbetulkan bacaan pelajar. Apabila semua pelajar telah habis membaca al-Qur'an di hadapan guru, maka guru tersebut akan menerangkan secara umum kepada semua pelajar akan bentuk kesalahan-kesalahan sama ada cara sebutan huruf mahupun hukum tajwid. Faktor ini sangat ditekankan supaya pelajar dapat memahami dengan menyeluruh cara sebutan kalimah al-Qur'an yang betul dan hukum-hukum tajwid dalam bacaan yang meliputi makhraj huruf, sifat huruf dan lain-lain.<sup>125</sup> Pelaksanaan kaedah ini juga menyeluruh dan merangkumi semua kelas al-Qur'an yang terdapat di surau dan rumah-rumah peneroka.

Bagi menghuraikan dengan lebih terperinci berkaitan pelaksanaan kaedah Talaqqī Mushāfahah di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh, maka pengkaji telah menggariskan lima panduan dalam kaedah Talaqqī Mushāfahah iaitu :

#### **3.4.1.1 Prinsip Kaedah Talaqqī Mushāfahah**

Di antara prinsip-prinsip kaedah Talaqqī Mushāfahah ialah di mana ia lebih mengutamakan sebutan dan bacaan al-Qur'an yang tepat. Pelajar juga perlu memerhati pergerakan mulut guru secara berdepan (bersemuka). Kemudian murid pula akan

---

<sup>125</sup> Tuan Hj. Kamaruddin bin Hj. Awang Ali (Imam 3, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Ogos 2009.

menyebut (mengikut) cara sebutan guru. Namun perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh para guru ialah mereka perlulah mahir dan fasih di dalam menyebut kalimah al-Qur'an kerana setiap kelemahan contoh bacaan daripada guru nescaya akan memberi kesan besar kepada murid.<sup>126</sup>

### **3.4.1.2 Objektif Talaqqī Mushāfahah**

Di antara objektif kaedah Talaqqī Mushāfahah ini ialah pelajar boleh menyebut bunyi huruf hijāyyah yang berbaris dengan tepat serta pelajar juga dapat membezakan panjang atau pendek sebutan setiap huruf. Seterusnya dengan mempraktikkan kaedah ini pelajar akan dapat membaca al-Qur'an dengan betul dan fasih serta berkeyakinan dan berani mencuba di hadapan guru.<sup>127</sup>

### **3.4.1.3 Ciri-Ciri Kaedah Talaqqī Mushāfahah**

Di antara ciri-ciri kaedah ini iaitu setiap bacaan akan disampaikan secara individu mahupun kumpulan. Pembimbing atau guru perlulah menguasai kemahiran bacaan al-Qur'an yang baik kerana ia adalah asas utama dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran di samping itu juga, kaedah ini perlu kepada penglibatan murid yang aktif kerana ia merupakan suatu bentuk pengajaran secara langsung daripada guru.<sup>128</sup>

Ciri-ciri kaedah Talaqqī Mushāfahah ini juga melalui dua tahap iaitu sebelum kelas bermula dan semasa kelas berlangsung. Tahap pertama: sebelum kelas bermula; murid-

---

<sup>126</sup> Sufian bin Ahmad, *Buku Teks Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah Tingkatan Lima* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 54.

<sup>127</sup> *Ibid.*, 57.

<sup>128</sup> *Ibid.*, 59.

murid akan duduk bersemuka dengan guru secara langsung secara kumpulan atau individu. Tahap kedua: semasa kelas berlangsung; Guru akan mula memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an. Ketika itu, murid-murid dikehendaki mendengar secara teliti dan memerhatikan gerak bibir guru dalam melafazkan kalimah-kalimah tertentu. Selepas guru selesai menghabiskan bacaan maka, murid akan mengikut bacaan guru. Ketika itu guru mendengar bacaan murid dan membetulkannya jika terdapat kesilapan di dalam bacaan.<sup>129</sup>

#### **3.4.1.4 Analisa kekuatan dan kelemahan kaedah Talaqqī Mushāfahah**

Di dalam membuat analisa terhadap keberkesanan kaedah Talaqqī Mushāfahah di kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh, pengkaji telah menilai dari dua sudut iaitu kekuatan dan kelemahan.

Dari sudut kekuatan, analisa yang dapat dibuat ialah kaedah ini membuatkan murid dapat membaca dengan tepat dan betul dari segi makhrāj dan tajwid mengikut bacaan guru. Di samping itu, isi pembelajaran tidak diragui akan kesahihannya kerana murid mendapat ilmu secara langsung daripada guru dan ini akan mengelakkan murid-murid daripada mendapatkan kefahaman dan ilmu yang salah. Kaedah ini juga dapat meningkatkan keyakinan murid ketika berhadapan dengan guru.<sup>130</sup>

Manakala dari sudut kelemahan, analisis yang dapat dibuat ialah dengan kaedah ini pembelajaran akan lebih berpusatkan guru manakala murid menjadi pasif. Kelemahan contoh dari bacaan guru akan menimbulkan kesan yang besar terhadap murid. Justeru, perlulah ada pemantauan yang pemerhatian yang lebih oleh guru terhadap muridnya dengan cara guru sentiasa berinteraksi dengan murid dan mengetahui apa juu masalah

---

<sup>129</sup> *Ibid.*, 61.

<sup>130</sup> *Ibid.*, 63.

murid yang berkaitan dengan al-Qur'an dan sedaya upaya menyelesaikan masalah tersebut.<sup>131</sup>

### **3.4.2 Kaedah Tunjuk Cara**

Di samping kaedah Talaqqī Mushāfahah, kaedah Tunjukcara atau demonstrasi juga dilaksanakan di kelas-kelas al-Qur'an di FELDA Bukit Goh. Sebagai contoh, kelas al-Qur'an di Masjid al-Taqwa dan di surau 'Kawasan 1' telah menggunakan kaedah ini dalam mempelajari dan memahami ilmu tajwid selepas mereka semua habis membaca al-Qur'an di hadapan guru. Kaedah ini merupakan suatu pendekatan pengajaran di mana seseorang individu akan membuat sesuatu di hadapan individu-individu lain bagi menunjukkan bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Ia mungkin juga dijalankan dengan tujuan menunjukkan sesuatu prinsip.

#### **3.4.2.1 Panduan Kaedah Tunjuk Cara**

Tunjuk cara menggunakan pelbagai bentuk seperti komunikasi, pendengaran serta penglihatan. Contoh kaedah ini digunakan oleh guru dalam bidang tajwid al-Qur'an di mana guru memperdengarkan cara membaca kalimah yang mengandungi hukum tajwid Mad Wājib Muttaṣil dengan bilangan harakat yang sepatutnya.<sup>132</sup>

Bagi pengkaji, kaedah ini dilihat cukup membantu murid-murid dalam lebih memahami dan memantapkan lagi ilmu al-Qur'an. Cara ini berlaku sama ada guru akan

---

<sup>131</sup> *Ibid.*, 69.

<sup>132</sup> Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*, cet. ke-4 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 180.

menunjukkan cara sebutan ayat atau hukum tajwid yang betul ataupun murid akan disuruh oleh guru mempraktikkan sesuatu sebutan yang betul. Dengan cara ini semua akan dapat melihat cara sebutan makhraj dan sifat huruf huruf yang betul ataupun sebutan hukum tajwid seperti dengung, harakat mad dan sebagainya.

### 3.4.3 Kaedah Soal Jawab Lisan

Soal jawab lisan merupakan satu kaedah pengajaran yang dijalankan secara spontan atau terancang di mana guru boleh mendapatkan pengesahan tahap kefahaman murid di dalam kelasnya terhadap sesuatu topik yang dibincangkan. Sebagai contoh, di akhir pengajaran tajwid, guru akan menyuruh murid menyenaraikan pembahagian hukum Nūn Sakinah dan Tanwīn.<sup>133</sup>

Oleh kerana semua kelas al-Qur'an di FELDA Bukit Goh berjalan selama sejam, maka pelaksanaan kaedah ini bergantung kepada proses talaqqī al-Qur'an secara individu di hadapan guru. Namun, kebiasaan kaedah ini akan lebih tertumpu di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran sejurus tamat proses talaqqī al-Qur'an. Sekiranya waktu pembelajaran hampir tamat namun masih terdapat pelajar yang belum selesai talaqqī al-Qur'an di hadapan guru, maka kaedah "Soal Jawab Lisan" ini akan ditangguhkan ke minggu hadapan dan akan diterangkan oleh guru pada awal kelas berikutnya. Secara kesimpulannya, kaedah ini berlangsung secara *fleksibel* di kebanyakan kelas al-Qur'an di sini. Ia tidak semestinya dilaksanakan pada satu-satu masa ketika kelas berlangsung. Ia bergantung kepada masa dan keperluan guru pada ketika itu. Itulah keistimewaan kaedah

---

<sup>133</sup> Marohaini Yusof, *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman* (Kuala Lumpur: karya Bistari Sdn. Bhd, 1998), 35.

ini yang mana ia merupakan proses penilaian berterusan untuk memastikan pelajar sentiasa peka dan memahami setiap topik yang diajar di dalam kelas.

### **3.5 KESIMPULAN**

Kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh telah memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan ilmu al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA di sini. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan kelangsungan kelas-kelas al-Qur'an ini diteruskan sehingga generasi akan datang. Pengkaji melihat, perlu ada usaha ke arah penambahbaikan dalam sistem atau kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an. Ini disebabkan golongan berkenaan sering menjadi penghalang oleh pelbagai perkara antaranya pekerjaan dan keluarga untuk hadir ke kelas pengajian al-Qur'an. Di samping itu juga, bagi menarik minat golongan peneroka FELDA untuk hadir ke kelas al-Qur'an, pihak Pejabat Agama Islam Daerah dan Jawatankuasa Masjid perlu mengambil beberapa langkah antaranya tempoh pengajian, waktu pembelajaran, tenaga pengajar, teknik pengajaran dan pembelajaran perlu dititik beratkan. Oleh tu, beberapa pendekatan dan teknik perlu dipelbagaikan dengan berkesan agar apa yang disampaikan melalui kelas al-Qur'an akan memberi kesan kepada mereka.

Kini, pelbagai kaedah telah muncul dalam pengajaran al-Qur'an yang banyak menitikberatkan kecepatan dan kemahiran. Masing-masing bersaing dalam menarik minat masyarakat untuk mempelajari al-Qur'an yang kesemuanya menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk membolehkan umat Islam mampu membaca al-Qur'an dengan betul. Kepelbagaian kaedah pengajaran adalah suatu keperluan bagi menarik minat serta

menambah keberkesanan pembelajaran. Seseorang guru yang kreatif akan sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajarannya supaya dapat menimbulkan keseronokan belajar dan mewujudkan suasana muhibbah dalam kalangan pelajar. Guru yang bermotivasi adalah guru yang tahu akan kehendak dan kemahuan pelajar berbanding guru yang hanya tahu mengajar tetapi tidak mengambil berat kebajikan pelajarnya.<sup>134</sup>

Pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an di masjid, surau dan di rumah sekitar FELDA Bukit Goh adalah bermula dari kesediaan dan kesungguhan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas-kelas pengajian al-Qur'an berlaku dalam suasana yang harmoni dan tenang hingga dipandang sebagai sesuatu aktiviti yang menyeluruh. Hormat-menghormati di antara satu sama lain serta menghargai ilmu yang dipelajari menjadi asas yang kuat supaya ilmu diberkati. Tanpa murid, guru tidak dapat mengajar, tanpa guru pula, murid tidak dapat mengetahui bagaimana belajar. Murid mendapat manfaat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru pula memperolehi pengalaman tambahan daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

---

<sup>134</sup> Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi* (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997), 25.